

BAB 3

Metodologi

3.1 Pengenalan

Kajian ini di buat untuk meninjau persepsi pengurus-pengurus Pertengahan, iaitu guru kanan mata pelajaran atau ketua bidang di sekolah terhadap keperluan latihan. Hampir satu dekad berlalu sejak jawatan guru kanan mata pelajaran atau ketua bidang diwujudkan di sekolah menengah gred A yang boleh dikatakan sebagai pengurus pertengahan. Jadi sesuai dikaji persepsi golongan pengurus pertengahan terhadap keperluan latihan. Bab ini pula menerangkan prosedur penyelidikan yang digunakan bagi kajian ini. dengan itu bab ini di susun seperti berikut:

- a. Kaedah kajian
- b. Sampel kajian
- c. Instrumentasi
- d. Analisis data

3.2 Kaedah kajian

Kaedah yang digunakan bagi kajian ini ialah melalui kaedah penyelidikan berbentuk temuramah. Temuramah ini dilaksanakan dalam bentuk temuramah berstruktur yang direka oleh pengkaji sendiri. Temuramah dijalankan secara individu. Selain temuramah kaedah pemerhatian juga digunakan. Ini dapat dijalankan kerana pengkaji juga bertugas di organisasi yang sama.

3.3 Sampel kajian

Sekolah di mana guru kanan mata pelajaran atau dikategorikan sebagai pengurus pertengahan bertugas adalah sebuah sekolah menengah gred A. Sekolah ini mempunyai lebih kurang 1500 orang pelajar, dan diketuai oleh seorang pengetua gred DG2. Pengetua dibantu oleh Penolong Kanan Kurikulum, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penyelia Petang dan empat Guru Kanan mata Pelajaran. Terdapat 84 orang guru bertugas dan dibahagikan kepada dua sesi persekolahan iaitu pagi dan petang. Sesi petang diketuai oleh seorang penyelia petang .

Kajian kes ini melibatkan tiga orang guru kanan mata pelajaran atau dikenali juga sebagai ketua bidang. Guru-guru ini juga menjadi pengurus pertengahan di sekolah. Mereka bertanggungjawab kepada pengetua dalam hal pengurusan dan pentadbiran pengetua. Tiga orang pengurus pertengahan ini menjadi sampel kajian bagi mengetahui persepsi mereka terhadap keperluan latihan khususnya latihan pengurusan. Bagi kajian ini ketiga-tiga pengurus pertengahan ini dikategorikan sebagai responden pertama, responden kedua dan responden ketiga.

Responden pertama ialah guru kanan mata pelajaran sains dan matematik. Beliau merupakan guru perempuan, berumur 39 berkelulusan sarjana pengurusan pendidikan, pengalaman menjadi guru selama 15 tahun dan 5 tahun bertugas sebagai pengurus pertengahan di sekolah.

Responden kedua ialah guru kanan mata pelajaran bahasa. Beliau adalah guru lelaki, berumur 45 tahun, berkelulusan sarjana muda sastera dengan kepujian, pengalaman menjadi guru selama 21 tahun dan baru 6 bulan bertugas sebagai pengurus pertengahan di sekolah.

Responden ketiga dan terakhir ialah guru kanan vokasional dan teknik. Beliau adalah guru perempuan berusia 39 tahun, berkelulusan sarjana muda sains sosial dengan kepujian, pengalaman menjadi guru selama 10 tahun dan 4 tahun bertugas sebagai pengurus pertengahan di sekolah.

Ketiga-tiga orang guru ini yang memegang jawatan guru kanan mata pelajaran atau ketua bidang merupakan golongan pengurus pertengahan yang berhubung secara langsung dengan pihak pengurus atasan bagi bidang masing-masing.

3.4 Instrumentasi

Satu panduan temuramah disediakan bagi mengumpul data berkaitan persepsi pengurus pertengahan terhadap keperluan latihan. Menurut Taylor dan Bogdon (1984) panduan temuramah bukan satu panduan yang berstruktur. Ia hanya satu panduan umum yang meliputi idea utama bagi setiap responden. Dalam situasi temuramah pengkaji menyesuaikan soalan mengikut keperluan.

Panduan temuduga bertindak sebagai peringatan kepada pengkaji untuk menanyakan sesuatu perkara berkait dengan persepsi pengurus pertengahan terhadap keperluan latihan. Panduan temuduga ini penting dan berguna kerana pengkaji tahu tentang responden kerana tempat kajian adalah juga organisasi di mana pengkaji bertugas.

Panduan temuramah ini dibentuk oleh penyelidik berdasarkan bacaan dari buku mengenai keperluan latihan bagi pengurusan sama ada dari sektor pendidikan atau pun dari sektor perniagaan serta perindustrian.

Kaedah temubual dipilih kerana responden dan penyelidik hadir sama di dalam proses memperolehi maklumat. Maklumat penyelidikan diperolehi secara langsung. Temubual digunakan untuk memperolehi maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya tentang persepsi keperluan latihan bagi pengurus pertengahan. Melalui temuramah soalan digunakan untuk merangsang maklumat dan soalan mudah diubah suai. Temuramah sangat praktikal digunakan untuk mendapat maklumat yang tepat dari responden yang kecil.

Tujuan utama kajian rintis adalah untuk membantu penyelidik mendapatkan kebolehpercayaan soalan kajian. Ianya tidak dilakukan bagi kajian ini kerana tidak penting bagi kajian kualitatif. Menurut Miles and Michael (1984);

“ instrumentation or the interview schedule in qualitative research is to be revised and modified continuously to explore new leads and to address new informant “

Panduan temuduga ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A berkenaan latar belakang responden seperti umur jantina, pengalaman menjadi guru, kelayakan akademik, bidang pengkhususan dan jawatan yang dipegang di sekolah serta tempohnya. Bahagian B pula mengandungi panduan temuramah yang berkaitan dengan pelbagai aspek keperluan latihan bagi pengurus pertengahan. Responden diminta pendapat tentang beberapa aspek keperluan pengurusan seperti kemahiran, komunikasi, kepimpinan dan pengurusan, motivasi, hubungan antara perorangan dan masalah-masalah pengurusan. (Lihat lampiran A)

Menurut Harding (1990)

The teacher who expected an idea of the proper management structure for his department came to realize that middle management relationships are made complex that , working with people team building and leadership skills were felt to have been gained by some and one, had the opportunity to try out different leadership styles.

Cara kedua memperolchi data ialah melalui pemerhatian.

Melalui pemerhatian penyelidik mengamati tingkah laku responden berdasarkan kepada pembolch ubah. Pemerhatian sesuai digunakan terutamanya kerana penyelidik ingin mengkaji perkembangan tingkah laku responden yang bertugas di tempat yang sama dengan pengkaji.

Kaedah pemerhatian yang dipilih ialah pemerhatian turut Serta. Kaedah ini memerlukan penyelidik bekerja bersama responden dan memerhatikan tingkah laku mereka. Masalah turut serta tidak timbul kerana responden dan penyelidik bertugas di tempat yang sama. Maklumat yang diperolehi mempunyai nilai yang tinggi sekiranya pemerhatian dilakukan secara objektif. Penglibatan yang lama oleh penyelidik di dalam pemerhatian tingkah laku menghasilkan maklumat yang boleh dipercayai. Dengan penghayatan tersebut, penyelidik mempunyai persepsi yang benar mengenai maklumat yang dikumpul.

3.5 Analisis Data

Data yang diperolchi melalui kaedah temuramah dan pemerhatian tentang persepsi pengurus pertengahan terhadap keperluan latihan. Data dianalisa bagi menghasilkan diskripsi tentang:

- a. Persepsi keperluan latihan bagi pengurus pertengahan di sekolah mengenai aspek-aspek pengurus di sekolah.
- b. Masalah yang dihadapi oleh pengurus pertengahan terhadap tugas mereka di sekolah.

Beberapa komponen terkandung dalam menganalisa data berbentuk kualitatif. Menurut Tesch (1990);

“ The process of data analysis is eclectic: there is no right way “

Menurut Patton (1980);

“ The data generated by qualitative methods are voluminous. I have found no way of preparing students for the sheer massive volumes of information with which they will find themselves confronted when data collection has ended. Sitting down to make sense out of pages of interviews and whole files of the field notes can be overwhelming ”